

18 NOV 1998

APEC-BERITA-PERBEZAAN/I/ '''

DR MAHATHIR TIDAK SEDAR PERBEZAAN DENGAN AL GORE

Oleh: E.Sivabalan

CYBERJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau tidak sedar wujud sebarang perbezaan antara beliau dan Naib Presiden Amerika Syarikat (AS) Al Gore berkaitan kenyataan Gore menyokong pergerakan reformasi anti-kerajaan.

"Saya tidak tahu sebarang perbezaan, saya tidak sedar," katanya apabila ditanya pemberita selepas beliau membacakan deklarasi Apec di sini petang ini.

Dr Mahathir kemudian menoleh kepada Gore yang berdiri tidak jauh di sebelah kirinya dan bertanya "adakah (perbezaan)?".

Apabila ditanya perasaan beliau berkaitan "reformasi" Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir ini forum yang sesuai untuk membincangkan perkara itu."

Gore dikritik semalam oleh rakyat Malaysia, selepas beliau mengkritik kawalan modal yang dilaksanakan Malaysia dan sokongannya terhadap gerakan reformasi anti kerajaan, semasa berucap pada jamuan makan malam Sidang Kemuncak Perniagaan Apec Isnin lepas.

Beberapa pemimpin asing yang berada di sini, untuk menghadiri Sidang Kemuncak Ketua Ekonomi Apec, juga mengkritik ucapan Al Gore itu yang dianggap cuba campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

-- BERNAMA

ES AAM RI